

# Kerambit, surat Za'ba hilang

LMNS lepas tangan koleksi pendeta bahasa Melayu lesap

15/5/2011 3/4 MS 10.

## EKSKLUSIF

Oleh Norfatimah Ahmad  
dan Zanariah Abd Mutalib  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Waris kepada tokoh ilmuwan dan nasionalis Melayu, Allahyarham Tan Sri Dr Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) kecewa dengan sikap Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) yang didakwa tidak amanah dalam menjaga khazanah peninggalan tokoh bahasa itu.

Antaranya ialah kerambit milik Allahyarham yang diserahkan kepada agensi berkenaan untuk disimpan dan dipamerkan, tetapi senjata itu sudah lama tidak kelihatan dan apabila ditanya kepada pegawai kanan LMNS, jawapan diberi amat mengecewakan apabila sekadar memaklumkan kerambit itu sudah hilang.

LMNS juga didakwa pernah mengambil sepucuk surat ditulis Za'ba daripada simpanan seorang cucu Allahyarham, untuk dicetak pada batu marmar, namun bukan saja surat berkenaan tidak dipulangkan malah batu marmar itu juga tidak dipamerkan.

Anak saudara Allahyarham, Ahmad Kamaluddin Md Yusof, 78, berkata hampir semua barangan dipamerkan di Teratak Za'ba di Batu Kikir bukan milik Allahyarham, sedangkan keluarga pendeta itu sedia menyerahkan sebahagian barang milik arwah secara percuma.

Katanya, keluarga Za'ba tidak pernah mementingkan wang ringgit, lantas tidak pernah berkira jika ada pihak yang meminta barangan peninggalan bapa saudaranya itu untuk dipulihara.

"Saya ke teratak dan mendapati kerambit milik Allahyarham tidak dipamerkan. Bila saya tanya kepada pengarah (Lembaga Muzium Negeri



Za'ba

Sembilan), beliau kata 'dah hilang'... saya tak boleh nak buat apa-apa," kata pesara kerajaan itu ketika ditemui di rumahnya di Seremban.

Ahmad Kamaluddin berkata, beliau juga tidak faham mengapa LMNS tidak mahu menerima beberapa barangan milik Allahyarham yang sedia diserahkan keluarganya

untuk dipamerkan di teratak berkenaan, sebaliknya sanggup mengeluarkan belanja membeli barangan sezaman dengan Za'ba.

"Saya juga mendapati ada kesilapan pada maklumat pada batu asas Teratak Za'ba yang menyatakan ibunya keturunan Bugis, sedangkan Allahyarham berketurunan Minangkabau. Pihak muzium sepatutnya lebih teliti dalam mempamerkan bahan sejarah kerana orang ramai menjadikannya rujukan."

"Jika ada kesilapan, perbincangan perlu diadakan semula dengan kehadiran wakil keluarga kami bagi membetulkannya," katanya yang juga tidak tahu sama ada majlis tahlil untuk Allahyarham masih diadakan seperti ketika mula-mula teratak itu dibuka pada 2001 kerana keluarganya tidak pernah lagi dijemput menghadirinya.

"Saya sangat kecewa... apa guna cakap lagi, mereka (LMNS) tak peduli," katanya.



## Sumbangan Za'ba kepada bahasa Melayu

- Pemikiran dalam bidang budi pekerti, agama, ekonomi dan kemiskinan
- Keazaman menulis buku nahu Melayu seawal usia 12 tahun
- Pada 1918, mengumpul senarai perkataan Melayu dalam tulisan Jawi
- Pada 1924, menjemput sekumpulan pegawai kerajaan Melayu berpendidikan Inggeris ke Kuala Lumpur membantu menubuhkan Persatuan Persuratan Melayu Se-Tanah Melayu (Pan-Malayan Malay Literary Society) bagi menyatukan pelbagai kelainan sistem ejaan Melayu, memajukan perkembangan kesusasteraan Melayu moden
- Dalam bidang ejaan Jawi di samping rumusan besar nahu Melayu (Pelita Bahasa Melayu (1941) tiga jilid) dan kaedah mengarang dalam bahasa Melayu (Kitab Ilmu Mengarang Melayu 1951)
- Berhasrat menghasilkan kamus Jawi
- Mengeluarkan sistem ejaan Jawi sebagai tujuan kedua penyusunan buku Daftar Ejaan Melayu
- Pada 1929 Kitab Rahsia Ejaan Jawi diterbitkan
- Pada 1931 sebahagian daripada buku dinamakan Rahsia Ejaan Jawi
- Pada 1918 memulakan projek penyenaian kata-kata tulisan Jawi
- Pada 1924 menubuhkan persatuan untuk menyeragamkan ejaan Jawi
- Pada 1931 merumuskan undang-undang ejaan Jawi dalam buku Rahsia Ejaan Jawi
- Pada 1938 menyiapkan Daftar Ejaan Melayu (Jawi-Rumi)
- Kemuncak diimpikannya menerbitkan kamus lengkap Bahasa Melayu dalam tulisan Jawi



ROZLIN menunjukkan koleksi gambar Za'ba yang masih dalam simpanannya.

## Serik bagi barang Tok Tai kepada LMNS

**T**OK Tai mungkin menangis dari kubur jika dapat tahu khazanah warisannya tidak diharagai," kata cucu Pendeta Za'ba, Rozlin Za'ba Mohd Redza yang begitu terkilan dengan insiden Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) menolak menerima katil perkahwinan milik Allahyarham yang mahu didermakan keluarga ilmuwan Melayu itu, 10 tahun lalu.

Apa yang menyedihkan Rozlin, 50-an, ialah apabila berbulan-bulan katil itu diletakkan di depan rumahnya di Jalan Gasing, Petaling Jaya selepas LMNS berjanji akan datang mengambil, namun akhirnya janji hanya tinggal janji.

"Pihak muzium negeri langsung tak muncul walaupun pada awalnya berjanji untuk datang ambil katil itu. Mulanya ia mahu dipamerkan di Teratak Za'ba yang dibina di Batu Kikir, tapi entah kenapa akhirnya kami dapat tahu mereka (LMNS) beli katil lain.

"Kenapa perlu beli sedangkan kami sedia beri secara percuma," katanya ketika ditemui di rumah teres berkembar di Jalan Gasing peninggalan Za'ba yang didiami Rozlin selepas ayahnya meninggal dunia.

Katanya, beliau serta generasi ketiga Za'ba hanya sekali berkunjung



*Dulu apabila dimaklumkan pihak muzium negeri berhasrat mewujudkan memorial untuk Allahyarham Za'ba, semua anak cucu Za'ba gembira dan sedia bantu... tetapi hasilnya tidak seperti diharapkan*

ke teratak yang dibina khusus untuk mengenang datuknya itu.

"Dulu apabila dimaklumkan pihak muzium negeri berhasrat mewujudkan memorial untuk Allahyarham Za'ba, semua anak cucu Za'ba gembira dan sedia bantu... tetapi hasilnya tidak seperti diharapkan. Kami putus asa dengan orang muzium negeri, kesal pun ada.

"Jika bercakap mengenai barang tinggalan Tok Tai, kami bertekad hanya akan serahkan kepada Arkib Negara, Muzium Negara atau Universiti Malaya, sama sekali tidak kepada LMNS. Bukan apa... sudah banyak kali kami tawarkan kepada muzium negeri pelbagai barangan milik arwah, tetapi mereka tak ambil berat langsung.

"Malah sebelum ini ada juga ura-ura untuk ke Vancouver, Kanada nak ambil banyak lagi barangan arwah dalam simpanan pak cik yang berhijrah ke sana, tetapi akhirnya janji hanya tinggal janji," katanya.

Rozlin Za'ba  
Cucu




## Tan Sri Dr Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba

- Ilmuwan dan nasionalis Melayu
- Lahir 16 September 1895
- Asal Bukit Kerdas, Batu Kikir, Negeri Sembilan
- Bapanya, Ahmad Ibrahim seorang alim dan warak
- Sejak usia 5 tahun, diajar bapanya membaca al-Quran siang dan malam
- Khatam al-Quran pada usia 8 tahun, mahir dalam rukun sembahyang serta berzanji
- Pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir ketika usia 12 tahun
- Pendidikan rasmi bermula 1907 di Sekolah Menengah Linggi, belajar bahasa Arab sebelah petang
- Dihantar ke Linggi untuk mendalami bahasa Arab
- Melanjutkan pelajaran ke St Paul Institution, Seremban pada 1910 hingga lulus Senior Cambridge pada 1916
- Meninggal dunia pada Selasa 23 Oktober 1973

### Latar belakang perkahwinan

- Berkahwin dengan Rafeah Mohd Hasban atau Urai pada 10 April 1917 di Jempol
- Dikurniakan anak perempuan dinamakan Raihanah
- Bercerai pada 2 Julai 1917
- Pada Disember 1917, berkahwin dengan Fatimah Umar atau Che Teh



ANTARA barang milik Za'ba yang disimpan di Teratak Za'ba.

# Projek teratak ilham Samad Idris

**M**EMORIAL khas untuk Pendeta Za'ba adalah idea bekas Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS), Allahyarham Tan Sri Abdul Samad Idris dan inisiatif penubuhannya mendapat sokongan kerajaan Negeri Sembilan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Maktab Melayu Kuala Kangsar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara serta Jabatan Muzium dan Antikuiti.

Jabatan Kerja Raya (JKR) pula dipertanggungjawab mengurus pembinaan bangunan itu yang kemudian dinamakan Teratak Za'ba dengan majlis perasmian disempurnakan 5 Februari 2001 oleh Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad serta dibuka kepada umum sebagai satu produk perancangan berunsur pendidikan.

Bahan utama bangunan ini diperbuat daripada kayu cengal (penak) dan reka bentuknya bercirikan Rumah Tradisional Negeri Sembilan dan menyerlahkan ciri pertukangan Melayu, antaranya tupai-tupai, tabir kayar, kekisi, anjung serambi, pelantar dan penyambungan menggunakan tanggam serta pasak.

Objektif penubuhan teratak itu untuk menghargai jasa Za'ba dalam bidang bahasa,

sastera, sosiobudaya, agama, politik dan pendidikan, selain diharap menjadi produk perancangan berunsur pendidikan yang boleh dimanfaatkan pelbagai pihak, khususnya penyelidik, ilmuwan dan pelajar.

Teratak itu juga bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenali lebih dekat sumbangan tokoh berjasa itu melalui koleksi peribadi peninggalannya, selain menyimpan dan mengumpul koleksi Za'ba termasuk yang diperoleh dari Arkib Negara dan Universiti Malaya.

Kertas cadangan berkaitan hiasan dalaman Teratak Za'ba menyenaraikan katil besi sebagai antara bahan yang dipamerkan di sudut bilik tidur di bangunan dengan reka bentuk tradisional Negeri Sembilan itu.

Dokumen membabitkan bangunan di Bukit Kerdas, Batu Kikir itu diperoleh waris ilmuwan itu pada lewat 1990-an apabila Lembaga Muzium Negeri Sembilan dalam proses pembinaan teratak itu.

“Pemaparan ruang bilik tidur di Teratak Za'ba bukan hanya untuk menggambarkan suasana bilik tidur, tetapi turut digunakan sebagai tempat beribadat, dengan dibentang hampan sejadah di atas tikar mengkuang, seutas tasbih dan ketayap bersebelahan katil.

“Sebuah katil besi dihiasi cadar bersulam tampak memperlihatkan tempat rehat yang tenteram walaupun sederhana,” memetik kertas cadangan itu.

Malah, lakaran hiasan dalaman teratak itu juga menunjukkan katil besi berkenaan ditempatkan di sudut kiri di bahagian tengah bangunan yang diperbuat daripada kayu cengal itu.

■ Dikurniakan lima anak, Zaharah, Zamrud, Ahmad Murtadza, Mohd Redza dan Zaitun

## Latar belakang kerjaya

- Guru di Bukit Zahrah English School pada Jun 1916
- Mengajar Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada Oktober 1918
- Antara 1920 hingga 1921, memasuki kelas Senior Normal Education di Taiping dan memperoleh sijil iktisas perguruan
- Memulakan tugas di Pejabat Penolong Pengarah Pelajaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat, Kuala Lumpur sebagai penterjemah dan pengarang Melayu pada Jun 1923
- Pada April 1924, bertugas di Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC), Tanjung Malim
- Mengasaskan Pejabat Penterjemahan kemudian dikenali Pejabat Karang-Mengarang di SITC sebelum dilantik pensyarah Bahasa Melayu di School of Oriental and African Studies, Universiti London pada 1947
- Bersara pada 16 September 1950
- Bertugas sebagai pensyarah kanan merangkap Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura sehingga 31 Disember 1958
- Dikurniakan gelaran Pendeta sempena Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada 21 September 1956

## FAKTA NOMBOR

# 10 tahun

Penubuhan Teratak Za'ba